



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
(Perbadanan) Maktab Kerjasama 1968
DR.30/1968

RANG UNDANG² (PERBADANAN) MAKTAB KERJASAMA

SUSUNAN FASAL

Fasal

1. Tajok ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
 2. Tafsiran.
 3. Maktab Kerjasama Malaysia dan Majlis.
 4. Tugas² Maktab.
 5. Jawatan-kuasa Pengajian.
 6. Kuasa meminjam.
 7. Kumpulan Wang dan Pemberian.
 8. Perbelanjaan Maktab.
 9. Pelaboran.
 10. Anggaran tahunan.
 11. Akaun dan odit.
 12. Laporan tahunan.
 13. Perletakan-hak harta dan pindah-milek hak² dan tanggongan².
 14. Kechualian.
- Jadual.

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Act bagi memperbadankan Maktab Kerjasama Malaysia, bagi maksud mengembang dan menggalakkan latihan dan pengajian mengenai kerjasama dan bagi mengadakan peruntukan bagi perkara² yang berkenaan dengan-nya.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

1. (1) Act ini boleh-lah di-namakan Act (Perbadanan) Maktab Kerjasama, 1968, dan hendak-lah mula berkuatkuasa pada tarikh yang di-tetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*, dan tarikh itu tidak-lah boleh lebih awal daripada tarikh pemberitahu itu di-siarkan.

Tajok ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

(2) Act ini hendak-lah di-pakai di-seluruh Persekutuan.

2. Dalam Act ini—

Tafsiran.

“Menteri” erti-nya Menteri yang bertanggung-jawab bagi kemajuan kerjasama;

“tahun kewangan” erti-nya tempoh yang bermula pada satu haribulan Januari hingga tiga puluh satu haribulan Disember dalam sa-suatu tahun.

3. (1) Yayasan yang bernama Maktab Kerjasama Tanah Melayu sa-belum sahaja Act ini mula berkuatkuasa hendak-lah, apabila Act ini mula berkuatkuasa, menjadi suatu pertubohan yang di-perbadankan bernama “Maktab Kerjasama Malaysia” (di-bawah ini di-rujuk sa-bagai “Maktab”) yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri, dan juga kuasa memperoleh dan memegang harta yang boleh di-aleh atau yang tak boleh di-aleh dan melepaskan-nya atau dengan jalan lain mengurus mengenai-nya.

Maktab Kerjasama Malaysia dan Majlis.

(2) Maktab hendak-lah di-tadbirkan oleh Majlis Maktab Kerjasama Malaysia (di-bawah ini di-rujok sa-bagai "Majlis") dan hendak-lah terdiri daripada ahli² yang berikut—

- (a) Setia-usaha Tetap, Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama sa-bagai Pengerusi;
- (b) Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama sa-bagai Timbalan Pengerusi;
- (c) sa-orang wakil Perbendaharaan;
- (d) empat orang yang mewakili gerakan² kerjasamam luar-bandar di-dalam Persekutuan;
- (e) empat orang yang mewakili gerakan² kerjasama dalam bandar di-dalam Persekutuan;
- (f) dua orang wakil Kementerian Pertanian dan Shari-
kat Kerjasama; dan
- (g) empat orang lain.

(3) Ahli² Majlis dalam perenggan (d), (e) dan (g) sekshen-kechil (2) hendak-lah di-lantek oleh Mentri.

(4) Mentri boleh memberi kapada Majlis arahan² yang am yang tidak berlawanan dengan peruntokan² Act ini, berkenaan dengan menjalankan tugas²-nya di-bawah Act ini; dan Majlis hendak-lah menjalankan arahan² itu.

(5) Peruntokan² Jadual kapada Act ini hendak-lah berkuatkuasa berkenaan dengan Majlis.

Tugas²
Maktab.

4. Tugas² Maktab ia-lah mengembang dan menggalakkan pengajian kerjasama di-dalam Persekutuan; dan bagi maksud itu Maktab boleh—

- (a) mengadakan peruntokan² bagi suatu kursus dalam pengajian kerjasama dan apa² kursus pengajian lain dan memberi diploma² bagi kursus² itu sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh Maktab;
- (b) menchetak atau menyiarkan atau membantu men-
chetak atau menyiarkan buku² mengenai ker-
jasama atau perkara yang berhubung dengan-nya;
- (c) membuat apa² kaedah sa-bagaimana yang perlu bagi mengator tanggungjawab² dan mengawal pegawai² dan pengkhidmat² Maktab dan menge-
nakan apa² bayaran yang kena di-bayar bagi
mana² kursus pengajian sa-bagaimana yang di-
fikirkan-nya patut; dan
- (d) menjalankan penyelidikan atas perkara² kerjasama.

5. (1) Bagi maksud menjalankan tugas²-nya di-bawah perenggan (a) sekshen 4, Maktab hendak-lah melantek suatu jawatan-kuasa dan jawatan-kuasa itu hendak-lah membuat shor² kepada Maktab mengenai sukatan-pelajaran yang sesuai yang di-kehendaki bagi mana² kursus pengajian, chara-nya pepereksaan untuk menghadiahkan apa² diploma bagi mana² kursus pengajian itu boleh di-jalankan dan mengenai apa² perkara lain berhubung dengan mana² kursus pengajian sa-bagaimana yang di-rujokkan kepada jawatan-kuasa oleh Maktab; dan jawatan-kuasa itu hendak-lah termasuk orang² yang berikut—

Jawatan-kuasa Pengajian.

- (a) Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama Persekutuan hendak-lah menjadi Pengerusi Jawatan-kuasa;
- (b) sa-orang wakil Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama;
- (c) Pengetua, Kolej Pertanian, Malaysia;
- (d) Professor Ekonomi di-Universiti Malaya atau nominee-nya;
- (e) Pengetua Maktab yang hendak-lah bertindak sa-bagai Setia-usaha; dan
- (f) sa-orang kakitangan Kanan Maktab sa-bagaimana yang di-lantek oleh Menteri.

(2) Terta'alok kepada apa² arahan yang di-beri oleh Maktab, Jawatan-kuasa hendak-lah menetapkan achara-nya sendiri.

6. Maktab boleh, mengikut apa² syarat sa-bagaimana yang di-luluskan oleh Menteri Kewangan, meminjam wang sa-bagaimana yang perlu bagi maksud menjalankan apa² jua tugas-nya di-bawah Act ini.

Kuasa meminjam.

7. (1) Maka ada-lah dengan ini di-tubuhkan suatu kumpulan wang yang di-gelar Kumpulan Wang Maktab Kerjasama Malaysia (di-bawah ini di-rujok sa-bagai "Kumpulan Wang")—

Kumpulan Wang dan Pemberian.

- (a) yang kepada-nya hendak-lah di-bayar segala wang yang di-terima oleh Maktab (sama ada sa-chara charuman, pemberian, bayaran, pinjaman atau sa-lain-nya); dan
- (b) yang daripada-nya hendak-lah di-bayar apa² bayaran sa-bagaimana yang di-arahkan oleh Act ini supaya di-bayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Parlimen boleh dari sa-masa ka-samasa membuat pemberian² wang kepada Maktab.

Perbelanjaan Maktab.

8. Segala perbelanjaan Maktab sa-bagaimana yang di-luluskan oleh Mentri hendak-lah di-bayar daripada Kumpulan Wang.

Pelaboran.

9. Aset Kumpulan Wang boleh, sa-takat yang aset itu tidak di-kehendaki di-belanjakan oleh Maktab di-bawah Act ini, di-laborkan dalam pelaboran² yang pada masa itu di-benarkan oleh undang² mengenai pelaboran² kumpulan wang amanah :

• Dengan sharat bahawa Maktab tidak boleh melabor dalam chagaran² yang di-keluarkan atau yang di-daftarkan, atau lain² harta yang letak-nya, di-luar Persekutuan kechuali dengan persetujuan Perbendaharaan.

Anggaran tahunan.

10. (1) Pengerusi Majlis hendak-lah, tidak lewat daripada satu bulan sa-belum bermula-nya tiap² satu tahun kewangan, membentang dalam Majlis suatu anggaran perbelanjaan bagi Maktab (termasok perbelanjaan modal) yang di-luluskan oleh Mentri bagi tahun yang berikutan-nya mengikut butir² dan bentok sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Majlis.

(2) Satu salinan anggaran itu hendak-lah di-hantar kepada tiap² sa-orang ahli Majlis tidak kurang daripada empat belas hari sa-belum meshuarat yang anggaran itu hendak di-bentangkan.

Akaun² dan odit.

11. (1) Maktab hendak-lah menyimpan akaun² yang sempurna dan lain² rekod berkenaan dengan perjalanan-nya dan hendak-lah menyediakan penyata² akaun bagi tiap² satu tahun kewangan.

(2) Akaun² Maktab hendak-lah di-odit tiap² tahun oleh Juru Odit Negara atau oleh sa-orang juru odit, ia-itu sa-orang juru odit sharikat yang di-luluskan dalam pengertian Act Sharikat, 1965, yang di-lantek oleh Majlis.

79 tahun 1965.

(3) Sa-lepas berakhir tiap² suatu tahun kewangan, dan sa-telah sahaja akaun² Maktab di-odit, Maktab hendak-lah menyebabkan supaya suatu salinan penyata akaun itu di-hantar kepada Mentri, bersama suatu salinan apa² perhatian yang di-buat oleh Juru Odit Negara atau oleh juru odit lain yang di-lantek di-bawah sekshen-kechil (2) atas mana² penyata atau atas akaun² Maktab.

(4) Mentri hendak-lah menyebabkan supaya suatu salinan tiap² penyata dan perhatian itu di-bentangkan di-dalam kedua² Majlis Parlimen.

12. (1) Majlis hendak-lah, tidak lewat daripada tiga puluh haribulan April tiap² tahun, menyebabkan supaya di-buat dan di-hantar kepada Mentri suatu laporan berkenaan dengan kegiatan² Maktab sa-panjang tahun kewangan yang dahulu dan yang mengandongi apa² ma'alumat mengenai perjalanan dan dasar Maktab sa-bagaimana yang di-arahkan dari sa-masa ka-samasa oleh Mentri.

Laporan tahunan.

(2) Mentri hendak-lah menyebabkan supaya suatu salinan tiap² laporan itu di-bentangkan di-dalam kedua² Majlis Parlimen.

13. Semua harta yang boleh di-aleh atau yang tak boleh di-aleh yang, sa-belum sahaja Act ini mula berkuatkuasa, telah terletak-hak-nya pada Maktab Kerjasama Tanah Melayu atau yang di-pegang oleh atau bagi pihak Maktab Kerjasama Tanah Melayu, hendak-lah, pada tarikh mula berkuatkuasa-nya Act ini dan dengan tiada memerlukan apa² jua pindahan-hak, pemberian-hak atau pindah-milek, terletak-hak-nya pada Maktab atau terserah-lah kepada Maktab mengikut hakmilek, harta atau kepentingan yang sa-rupa itu juga dan mengikut pegangan dan bagi maksud² yang sa-rupa itu juga sa-bagaimana ia-nya telah terletak-hak atau di-pegang sa-belum sahaja Act ini berkuatkuasa; dan segala hak dan tanggungan yang, sa-belum sahaja Act ini mula berkuatkuasa, menjadi hak dan tanggungan Maktab Kerjasama Tanah Melayu hendak-lah apabila Act ini mula berkuatkuasa menjadi hak dan tanggungan Maktab.

Perletakan-hak harta dan pindah-milek hak² dan tanggungan².

14. Peruntukan² Act Pelajaran, 1961, tidak-lah di-pakai kepada Maktab.

Kechualian. 43 tahun 1961.

JADUAL

(Sekshen 3)

1. (1) Orang² yang berikut ada-lah tidak berkelayakan bagi di-lantek sa-bagai atau bagi menjadi ahli² Majlis—

(a) orang yang tidak sempurna 'akal atau kerana sebab² yang lain tidak berupaya menyempurnakan kewajipan²-nya;

(b) orang bankrap;

(c) orang yang telah di-thabitkan atas kesalahan yang melibatkan penipuan, kechurangan atau kekejian akhlak.

(2) Sa-saorang ahli hendak-lah, melainkan jika ia berhenti terlebih dahulu atau ia di-berhentikan, memegang jawatan sa-lama tempoh (yang tidak lebih daripada tiga tahun) sa-bagaimana yang di-nyatakan di-dalam surat perlantekan-nya, dan boleh di-lantek sa-mula.

(3) Sa-saorang ahli Majlis ada-lah terhenti menjadi ahli jika ia tidak menghadhiri meshuarat Majlis tiga kali berturut² dengan tiada kebenaran bertulis daripada Pengerusi atau jika ia menjadi tidak berkelayakan menurut perenggan-kecil (1).

(4) Mentri boleh membenarkan pembayaran daripada Kumpulan Wang akan apa² elaun kapada ahli² Majlis sa-bagaimana yang ditetapkan oleh Mentri.

2. Majlis hendak-lah bermeshuarat sa-kurang²-nya sa-kali dalam suku-tahun pertama dan ketiga bagi tiap² satu tahun bagi maksud menimbangkan kegiatan²-nya dalam masa sa-tengah tahun yang berakhir pada 31 haribulan Disember dan 30 haribulan Jun, mengikut mana yang berkenaan, yang akhir terdahulu daripada suku-tahun itu.

3. (1) Chukupbilang bagi Majlis ia-lah tujuh.

(2) Jika atas apa² soal yang akan di-putuskan oleh Majlis, bilangan undi itu sama banyak maka Pengerusi atau lain² ahli yang berlaku sa-bagai Pengerusi ada-lah berhak memberi undi pemutus.

(3) Terta'alok kapada perenggan-kecil (1) dan (2), Majlis hendak-lah menetapkan achara-nya sendiri.

(4) Meteri Maktab hendak-lah di-sahkan oleh Pengerusi Majlis atau oleh lain² ahli yang berlaku sa-bagai Pengerusi, dan sa-orang ahli lain Majlis itu, dan apa² suratan yang di-katakan sa-bagai di-meterikan dengan meteri yang tersebut dan yang di-sahkan saperti tersebut di-atas hendak-lah, sa-hingga akas-nya di-buktikan, di-sifatkan sa-bagai telah di-sempurnakan dengan sah-nya.

4. (1) Timbalan Pengerusi hendak-lah melaksanakan tugas² Pengerusi dalam masa ketiadaan Pengerusi.

(2) Mentri boleh melantek sa-saorang menjadi Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau ahli Majlis sementara dalam masa tiada keupayaan buat sementara kerana sakit, atau dalam masa ketiadaan sementara Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau lain² ahli, mengikut mana yang berkenaan itu di-dalam Persekutuan.

(3) Pengetua Maktab hendak-lah menjadi Setia-usaha Majlis dengan tiada apa² hak mengundi.

5. Majlis boleh melantek jawatan-kuasa² sa-lain daripada jawatan-kuasa yang tersebut dalam sekshen 5, sa-bagaimana yang di-fikirkannya patut; dan terta'alok kapada apa² arahan oleh Majlis, sa-buah jawatan-kuasa yang di-lantek sa-demikian hendak-lah menetapkan achara-nya sendiri.

6. (1) Majlis boleh dengan kebenaran Mentri dan persetujuan Perbendaharaan—

(a) menentukan sharat² yang di-fikirkan patut bagi perlantekan pegawai² dan pengkhidmat² Maktab sa-bagaimana yang perlu;

(b) membuat kaedah² berkenaan dengan menubuh dan menguruskan sa-suatu kumpulan wang simpanan yang di-charumkan bagi pegawai² dan pengkhidmat² yang di-lantek di-bawah perenggan-kecil (a), atau berkenaan dengan memberi pinjaman² kapada pegawai² dan pengkhidmat² atas sharat² sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh Majlis, atau berkenaan dengan membayar penchen, elaun atau ganjaran kapada pegawai² dan pengkhidmat² tersebut apabila bersara atau dengan jalan lain berhenti memegang jawatan sa-bagai pegawai dan pengkhidmat sa-demikian itu.

(2) Terta'alok kepada perenggan-kecil (1) (a), Majlis boleh dengan persetujuan Menteri melantik sa-orang Pegawai Kerja ia-itu Pengetua Maktab dan lain² pegawai dan pengkhidmat sa-bagaimana yang perlu.

(3) Tiap² ahli Majlis dan tiap² pegawai dan pengkhidmat yang di-ntek di-bawah perenggan-kecil (2) hendak-lah di-sifatkan sa-bagai orang penjawat 'awam dalam erti Kanun Keseksaan yang berkuatkuasa di-Negeri² Tanah Melayu atau mana² undang² bertulis yang bersamaan dengan-nya yang berkuatkuasa di-Sabah dan Sarawak.

N.M.B.
Bab 45.

HURAIAN

Maktab Kerjasama Tanah Melayu telah di-dirikan dengan bantuan wang daripada Kumpulan Wang Pembangunan Tanah Jajahan dan dibagikan dalam tahun 1956, untuk melatoh dan mengajar pemimpin² dalam gerakan kerjasama. Maktab ini di-selia dan di-senggara oleh sa-buah Majlis Penasihat Bersama yang terdiri daripada pegawai² kerajaan dan wakil² Gerakan Kerjasama.

Rang Undang² ini bermaksud mengubah nama Maktab dan memperbadankan-nya (Fasal 3) dan menetapkan tugas²-nya (Fasal 4). Pada ketika ini, Maktab sedang di-senggarakan sa-bagai sa-buah yayasan *facto* dan rasa-nya ada-lah patut Maktab ini di-beri taraf di-sisidang² dengan memperbadankan-nya mengikut suatu Act Parlimen. Entadbiran hal-ehwal Maktab hendak-lah di-jalankan oleh sa-buah majlis yang di-tubuhkan dalam Rang Undang² ini (Fasal 3 (2)).

Untuk menjalankan tugas²-nya berhubung dengan kemajuan pengajaran dalam bidang kerjasama Maktab ada-lah di-berikuasa untuk menuboh sa-buah jawatan-kuasa pengajian yang mengandongi pegawai² kerajaan dan ahli² ilmiah (Fasal 5).

Kuasa² Maktab untuk meminjam dan melabor ada-lah di-tetapkan dalam Fasal 6 dan 9 dan kuasa² itu ada-lah kuasa² biasa yang di-beri pada suatu pertubohan yang di-perbadankan.

Peruntukan² yang lain dalam Rang Undang² ini ia-lah berkenaan dengan kuasa² dan kewajipan² biasa yang lazim-nya di-beri dan di-nakikan kepada pertubohan² yang di-perbadankan, antara lain, berkenaan dengan anggaran² tahunan (Fasal 10) dan audit dan akaun² (Fasal 11).

[P[PN. 655.]